



**KEMPEN PULANGAN TUNAI KAD DEBIT-i MASTERCARD
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**
Soalan-soalan Lazim

1. Apakah tempoh masa Kempen ini?

Kempen Pulangan Tunai Kad Debit-i Mastercard Bank Muamalat ("Kempen") bermula dari 15 November 2021 sehingga 13 Februari 2022 (Tempoh Kempen), termasuk kedua-dua tarikh.

2. Siapakah yang boleh menyertai Kempen ini?

Semua Pemegang Kad Debit-i Bank Muamalat ("BMMB") yang baharu dan sedia ada, termasuk mereka yang membuka akaun dan menerima Kad Debit-i Mastercard (Kad) sepanjang tempoh Kempen.

3. Siapakah yang tidak boleh menyertai Kempen ini?

Pemegang Kad yang tidak boleh menyertai Kempen ini diringkaskan seperti berikut: -

- Mana-mana Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad mereka sepanjang Tempoh Kempen;
- Pemegang Kad di mana akaun mereka dengan BMMB telah digantung, ditutup atau mereka yang melanggari Perjanjian dengan BMMB;
- Sekiranya mana-mana akaun Kad adalah dibatalkan, ditutup atau ditamatkan untuk apa jua alasan, sama ada secara sukarela atau tidak pada atau sebelum Pulangan Tunai diberikan;
- Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau kesalahan berhubung akaun, kemudahan dan/atau perkhidmatan yang berikan oleh BMMB.

4. Bagaimanakah Pemegang Kad layak untuk menyertai Kempen ini?

Untuk layak, Pemegang Kad mestilah melakukan caj minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ringgit Sahaja (RM30.00) dalam satu transaksi menggunakan Kad mereka sepanjang Tempoh Kempen untuk menerima Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja (RM25.00) berdasarkan siapa datang dahulu.

5. Berapakah Pulangan Tunai maksimum yang boleh diperolehi oleh setiap Pemegang Kad?

Setiap Pemegang Kad layak mendapat pulangan tunai maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Sahaja (RM75.00) sepanjang Tempoh Kempen, seperti diterangkan dalam jadual di bawah:

| Bulan Pengesanan | Tempoh | Pulangan Tunai Maksimum Setiap Pemegang Kad |
|------------------|-------------------------------------|---|
| Bulan 1 | 15 November 2021 - 14 Disember 2021 | RM25.00 |
| Bulan 2 | 15 Disember 2021 - 14 Januari 2022 | RM25.00 |
| Bulan 3 | 15 Januari 2022 - 13 Februari 2022 | RM25.00 |

6. **Apakah transaksi yang layak untuk Pemegang Kad memperolehi Pulangan Tunai?**
Semua transaksi runcit (bersemuka termasuk tanpa sentuhan) dan pembelian dalam talian, sama ada di dalam dan di luar negara adalah layak.
7. **Apakah transaksi yang dikecualikan di dalam penerimaan Pulangan Tunai?**
Transaksi yang dikecualikan adalah: -
 - a. Pengeluaran Tunai ATM, pelan auto debit, pemindahan dana, pemindahan e-dompet, deposit, pembalikan, fi dan caj dan lain-lain transaksi bukan runcit;
 - b. Sebarang pertikaian, pembatalan, bayaran balik, transaksi yang tidak dibenarkan atau transaksi pembelian palsu;
 - c. Keuntungan/caj pengurusan, caj pengeluaran tunai, sebarang cukai yang dikenakan mengikut undang-undang dan mana-mana bentuk fi perkhidmatan atau fi pelbagai; dan
 - d. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad dengan mana-mana peruncit yang berkaitan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah), iaitu, transaksi oleh Pemegang Kad dengan mana-mana korporat atau entiti perniagaan di mana mereka adalah pekerja atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham, atau kepentingan atau adalah pengarah kepada.
8. **Bolehkah saya meminta pedagang atau peruncit untuk memecahkan transaksi runcit saya kepada beberapa transaksi atau membahagikan untuk mendapatkan lebih banyak Pulangan Tunai?**
Tidak. Sebarang pecahan atau pembahagian transaksi tidak akan layak untuk menerima Pulangan Tunai dan Pemegang Kad yang melakukan urus niaga seperti ini akan dibatalkan daripada menerima Pulangan Tunai.
9. **Di manakah saya boleh mengetahui atau mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan Kempen ini?**
Untuk mendapatkan Terma dan Syarat Kempen lebih lanjut, sila kunjungi laman sesawang kami di www.muamalat.com.my

**PENGHJUNG SOALAN-SOALAN LAZIM KEMPEN PULANGAN TUNAI KAD DEBIT-i
MASTERCARD BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**